



## **Buku Panduan Doktor Jawi**

Oleh:

Al Ustaz Abdul Manan Ali Al Merbawi  
BA(Hons) Al Azhar  
Dip. Pen. UIA

09 6312282  
019 954 1846

## **Pengasas Doktor Jawi**

Hak cipta terpelihara



*Amaran:*

*Jangan gunakan buku Dr Jawi tanpa buku manual ini kerana ditakuti anda akan terkapai-  
kapai mencari punca dan akan melambatkan proses pemahaman bahan.*

Sila baca buku panduan ini dengan betul. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan anda akan mengambil masa yang lebih lama untuk menguasai jawi melalui kaedah Dr Jawi.

*Saya doakan semoga anda Berjaya.*

**Peringatan:**

Sebelum anda memulakan pembelajaran ini anda perlu memahami bahawa setiap insan mempunyai tahap pena'akulan (pemahaman) yang berbeza antara satu dengan yang lain.

## KEGUNAAN BUKU PANDUAN

Assalamualaikum,  
Kepada semua pengguna buku Doktor Jawi.

Buku Doktor Jawi boleh digunakan sebagai bahan pembelajaran jawi untuk melahirkan pelajar yang dapat menguasai jawi dalam masa yang singkat. Walau bagaimana pun untuk lebih mempercepatkan lagi proses pemahaman dan pengendalian buku Doktor Jawi sebagai bahan Pengajaran dan Pembelajaran khususnya kepada semua ibubapa, guru kelas KAFA, kelas Fardhu Ain, guru Tadika dan sebagainya maka saya merasakan di sana perlu kepada wujudnya satu **buku panduan** yang lebih jelas bagi memimpin kepenggunaan agar menjadi lebih lancar dan cepat. Justeru itu maka lahirilah **Buku Panduan Doktor Jawi**.

Apa yang saya harapkan dari lahirnya buku kecil ini ialah semua pihak yang telah membeli buku Doktor Jawi berpuas hati dan merasakan seolah-olah mendapat tunjuk ajar secara personal dari pengasas kaedah ini iaitu saya sendiri. Dan yang paling penting agar buku kecil ini dapat memberikan pendedahan kepada pengguna bagaimana menguasai jawi dalam masa yang amat singkat iaitu 4 jam.

Jika dipelajari dengan cara biasa iaitu tanpa bantuan manual book ini anda mungkin mengambil masa yang agak lama. Anda akan memulakan dengan membaca bahan dan mengkaji kelemahan dan kekuatan sebelum memutuskan untuk menggunakan sebagai bahan pembelajaran. Tetapi dengan buku ini insyaAllah segala-galanya akan dijelaskan sebagaimana yang saya gunakan dalam ceramah dan bengkel.

Tetapi dengan buku ini insyaAllah impian anda untuk mempelajari jawi dalam masa yang singkat akan tercapai.

Manual Dr Jawi amat sesuai dan berguna untuk:

- i. Anda sendiri untuk mempercepatkan penguasaan (rekod 4 jam)
- ii. Ibubapa yang akan memantau anak-anak mereka menggunakan Dr Jawi
- iii. Guru kelas Tadika, Taska dan Pusat Asuhan Tunas Islam sebagai moderator kepada anak murid mereka
- iv. Guru sekolah rendah dan menengah untuk diajarkan kepada pelajar mereka.
- v. Penceramah dan pengendali kursus yang akan mengendalikan kursus Celik Jawi berasaskan Doktor Jawi.

Sekian  
Wassalam

Salam hormat dari.

Ustaz Abdul Manan Ali AlMerbawi

## SESI 1 ASAS JAWI

1. Sila lihat halaman 2. Di halaman ini dipaparkan huruf-huruf jawi dan sebutannya. Kesemuanya berjumlah 37 huruf. Anda boleh mengecam huruf-huruf ini melalui sebutan rumi yang berada di sebelahnya. Bagi mereka yang tidak pernah melihat huruf jawi atau belum biasa dengannya silalah menganalisisnya dan membuat sedikit latihan menulis.
2. Sila lihat halaman 3. Di halaman ini anda dapat lihat Jadual Pertukaran Huruf Jawi Rumi. Perhatikan saja huruf-huruf jawi dan rumi yang diletak bersebelahan. Perhatikan misalnya *B* bersamaan dengan huruf *BA* begitu juga huruf *S* adalah bersamaan dengan huruf *SIN*. Perhatikan huruf-huruf ini sebelum kita ke halaman seterusnya.

A	ا	J	ج	S	س
B	ب	K	ك	T	ت
C	چ	L	ل	V	ف
D	د	M	م	Z	ذ
E/I/Y	ي	N	ن	NG	غ
F	ف	O/U/W	و	NY	ن
G	گ	P	ڤ		
H	ه	R	ر		

3. Seterusnya mari kita perhatikan halaman 7. Di halaman ini anda dapat melihat dengan jelas formula sambungan jawi. Formula sambungan ini dapat menunjukkan dengan jelas bagaimana sambungan antara dua huruf jawi dilakukan. Caranya ialah sila ambil satu huruf yang berada di atas (misalnya huruf Ya) kemudian regukan dengan salah satu huruf yang berada di sebelah kiri (misalnya huruf wau). Anda akan dapati nilai sambungannya ialah dipertemuan antara huruf ya dan wau. Dan begitulah seterusnya sehingga anda boleh menyambung kesemua huruf-huruf ini. (Jangan bimbang kita akan memperbanyakkan latihan menyambung huruf-huruf ini di tajuk-tajuk yang akan datang.

	ا	ب	ح	د	ر
ا	اا	با	حا	دا	را
ب	اب	بب	حب	دب	رب
ح	اح	بح	حح	دح	رح
د	اد	بد	حد	دد	رد
ر	ار	بر	حر	در	رر

4. Sekarang sudah mempunyai 2 alat penting yang diperlukan untuk memulakan penulisan jawi. Iaitu:
  - i. Pertukaran huruf jawi rumi
  - ii. Formula sambungan jawi.
5. Sebelum kita pergi lebih lanjut sila perhatikan halaman 9. Di halaman ini anda akan melihat bentuk-bentuk huruf jawi semasa berada di awal, di tengah dan seterusnya di akhir perkataan.
6. Sekarang kita akan memulakan latihan menulis jawi. Sila lihat halaman halaman 13.

Sila perhatikan contoh pertukaran huruf jawi seperti jadual di bawah ini:

JAWI	L	A
L1	ا	ا
L2	ا	ا
L3	لا	

Pertukaran arah berlaku pada L2 kerana jawi bermula dan berakhir ke kiri

Sila rujuk kepada gantian huruf jawi rumi

Untuk menyambung dua huruf ini perlu lihat formula sambungan

Bab 2    Lihat Formula    Menu Utama

Di halaman ini anda akan dapat melihat dengan jelas dan terang bagaimana proses percantuman huruf dilakukan. Apa yang berlaku ialah kami gunakan apa yang dipanggil 3 Langkah Ajaib.

- i. Langkah 1 (L1) ialah menukarkan huruf rumi kepada huruf jawi
  - ii. Menterbalikkkan kedudukan dari kiri ke kanan kepada dari kanan ke kiri
  - iii. Menyambung huruf-huruf tersebut - mesti lihat formula sambungan. (anda juga boleh melihat CD yang dibekalkan dengan memilih menu, bab2, sambungan 2 huruf)
7. Baiklah sekarang saya akan menerangkan cara membuat sambungan 3 huruf. Sila lihat contoh di bawah.

Contoh sambungan tiga huruf yang mana ketiga-tiga hurufnya boleh disambung.

Rumi	T	I	N
L1	ت	ي	ن
L2	ن	ي	ت
L3	تِين		

Bab 2      Lihat Formula      Menu Utama

8. Sambungan 2 huruf mudah dilakukan kerana kita hanya melihat sambungan huruf pada formula sambungan. Bagaimana pula sambungan 3 huruf.
9. Untuk menyambung 3 huruf. Pertama sila lihat hasil sambungan huruf pertama dan kedua. Kemudian lihat pula hasil sambungan antara huruf kedua dan ketiga. Ini bermakna anda perlu melihat formula sebanyak 2 kali. Disinilah pentingnya halaman 9. Dihalaman ini anda dapat memilih samada hendak menggunakan keseluruhan huruf atau badannya sahaja.
10. Begitu juga halnya dengan sambungan 4 huruf. Pertama lihat saja dulu hasil sambungan antara huruf pertama dan kedua. Kemudian lihat pula hasil sambungan antara huruf kedua dan ketiga. Seterusnya sambungan huruf ketiga dan keempat.
11. Anda tidak perlu gusar. Sebenarnya anda hanya melihat kepada formula sambungan ini untuk jangka masa yang sementara sahaja kerana lama kelamaan anda akan ingat sendiri hasil sambungan antara huruf ini.  
*Nota: Di setengah tempat formula sambungan ini dibesarkan atau dilaminate untuk para pelajar mereka.*

Contoh sambungan empat huruf dalam kedudukan dua huruf tidak boleh disambung sementara dua huruf boleh disambung.

Rumi	R	A	T	U
L1	ر	ا	ت	و
L2	و	ا	ت	ر
L3	راتو			

Bab 2      Lihat Formula      Menu Utama

12. Seterusnya sambungan lima huruf. Lihat sambungan antara huruf pertama dan kedua, kedua dan ketiga, ketiga dan keempat dan akhir sekali antara huruf keempat dan kelima.

13. Saya dapat rasakan bagaimana anda sudah dapat merasakan kemahiran jawi semakin menguasai diri anda.
14. Untuk memperkuatkan kefahaman anda sila buka CD yang dibekalkan, buka bab 2 dan pilih sambungan 2 huruf, 3 huruf, 4 huruf dan akhirnya 5 huruf.

### **LATIHAN MENULIS DAN MEMBACA JAWI**

15. Sekarang anda dikehendaki membuat latihan di halaman 14 hingga 25. Cuba jangan ambil masa lebih dari setengah jam. Anda tidak perlu buat semua. Sebaik saja anda rasa dapat menguasai tahap tersebut sila beralih ke latihan yang berikutnya.
16. Anda dinasihatkan agar menggunakan pensil. Ini kerana anda akan beberapa kali melakukan kesalahan-kesalahan kecil dan penggunaan "balpen" akan menjadikan buku anda mudah kotor.
17. Dalam melaksanakan latihan ini beberapa perkara perlu diberikan perhatian. Perkara ini timbul semasa saya memberikan ceramah dan amat berguna agar ianya tidak berlaku kepada anda.
  - i. Huruf "**ng**" dalam perkataan "**nganga**" misalnya akan ditukarkan kepada huruf "**nga**" dan bukannya huruf "**nun**" dan "**ga**".
  - ii. Huruf "**ny**" dalam perkataan **nyanyuk** misalnya akan ditukarkan kepada huruf "**nya**" dan bukannya huruf "**nun**" dan "**ya**".
  - iii. Huruf "**nya**" mempunyai titik tiga di bawah apabila berada di awal dan tengah perkataan sebaliknya titik itu akan berpindah ke atas apabila ia berada di akhir perkataan.
18. Jangan bimbang jika tulisan anda tidak cantik kerana ianya akan bertukar perlahan-lahan dari hodoh kepada cantik sebaik sahaja anda menamatkan latihan terakhir di dalam buku Dr Jawi ini.
19. Dalam mempelajari jawi kaedah Mananiyyah kita tidak akan menumpukan berhari-hari kepada kerja mencantikkan tulisan semata-mata kerana kita percaya bahawa semua manusia akan semakin baik penghasilannya asalkan ia sentiasa dalam latihan.
20. Tahap asas ialah tahap yang paling sukar bagi seorang yang baru memulakan pembelajaran jawi. Jika anda telah dapat menyempurkan tahap ini bermakna anda sudah bersedia untuk ke tahap yang seterusnya.
21. Jika anda masih belum berpuas hati dengan tahap asas anda boleh mengulanginya beberapa kali.
22. Sila teruskan kebahagiaan kaedah apabila anda sudah yakin akan kebolehan anda. Selamat mencuba.

## SESI 2 KAEDAH PENULISAN JAWI

1. Jangan sekali-kali masuk ke sesi ini melainkan anda sudah menyempurnakan sesi 1.
2. Untuk bahagian ini kita akan bergerak dari halaman 26 hingga 52. Bahagian ini agak mencabar sedikit tetapi saya percaya ianya tidak menjadi masalah buat anda. Jika anda berjaya mengharungi sesi 1 tidak mustahil anda dapat menyempurnakan sesi 2.

### RINGKASAN KAEDAH

3. Jika terdapat huruf **vocal A** di tengah-tengah dua konsonan maka vocal A tersebut hendaklah **digugurkan** iaitu *KVK (halaman 27)*
4. Tetapi huruf vocal A tersebut **tidak akan digugurkan** jika kedudukan tiga huruf itu ialah *konsonan- vocal -vocal* iaitu *KVV* iaitu selepas huruf vokal tersebut terdapat huruf vokal yang lain. *(halaman 32)*
5. Jika berlaku **perulangan vocal A** dalam satu perkataan 4 huruf dua suku kata maka secara umumnya kedua-dua vocal A itu **dikekalkan**. Kecuali jika **huruf ketiga** ialah salah satu daripada **lima huruf** ini iaitu **(D,R,L,W dan NG)** maka vocal A yang menjadi huruf ke empat **di gugurkan**. *(halaman 34)*
6. Setiap perkataan yang berakhir dengan dua huruf iaitu **KA** contohnya *NANGKA* hendaklah ditukarkan kepada huruf **KAF** sahaja. Dan setiap perkataan yang berakhir dengan 2 huruf **G dan A** hendaklah ditulis dengan huruf GA sahaja. *(halaman 36)*
7. Huruf YA yang menggantikan huruf *vocal E* digunakan dalam dua keadaan. Pertama jika E itu ialah **E Pepet** contohnya perkataan *BESI* maka huruf E **digugurkan**. Sebaliknya jika huruf vocal E itu adalah **E Taling** contohnya *REHAT* maka huruf E itu dilambangkan dengan huruf YA. *(halaman 37)*
8. Jika sesuatu perkataan itu dimulakan dengan huruf vokal (A,E,I,O dan U) maka **penambahan huruf ALIF** diperlukan. *(halaman 41)*
9. Huruf hamzah tidaklah begitu penting sehingga mencatatkan pembacaan akan tetapi tanpa kewujudannya maka perkataan jawi tersebut tidak dapat dibaca dengan baik. Paling ringkas anda perlu ingat bahawa huruf hamzah mesti diletakkan antara vokal A-I, A-U dan U-I. Selain itu hamzah juga mesti wujud selepas imbuhan KE,SE DAN DI sekiranya selepas imbuhan-imbuhan itu diikuti oleh huruf vokal. *(halaman 46)*
10. Jika sesuatu perkataan itu **berulang dua kali** dengan tidak mengalami perubahan maka dalam tulisan jawi perkataan itu ditulis **satu kali sahaja** kemudian ditambah **angka 2** dalam Bahasa Arab. Sebaliknya jika ia mengalami perubahan maka ditulis sebagaimana dalam ejaan rumi. *(halaman 49)*

11. Semua huruf K yang berada **diakhir perkataan** hendaklah ditukarkan kepada *huruf QAF*. Kecuali jika *huruf K* di akhir perkataan itu adalah **berasal dari Bahasa Inggeris** maka huruf *K* dilambangkan sebagai *huruf KAF*. (halaman 51)
12. Sila laksanakan latihan di halaman-halaman 29, 31, 33, 35, 38, 39, 43, 44, 47, 49, 51 dan 52.
13. Sebagaimana biasa anda dibolehkan untuk tidak menghabiskan kesemua latihan sekaligus asalkan anda sudah menyiapkan beberapa jawapan contohnya sepuluh di setiap bahagian maka anda sudah boleh bergerak ke bahagian-bahagian yang lain. (anda boleh menyiapkan kesemua latihan tersebut apabila anda mempunyai masa lapang nanti).
14. Sila laksanakan latihan dengan tenang dan berhati-hati.

### IMBUHAN

15. Imbuan adalah suatu perkara yang amat senang untuk dipelajari.
16. Sila lihat halaman 53. Di halaman ini anda akan dapat lihat bagaimana kami padankan suaian antara imbuan jawi dan imbuhan rumi.
17. Konsep yang kami gunakan senang saja. Pertama ambil suatu kata dasar contohnya **perang** kemudian sambungkan kata dasar itu dengan imbuan yang diperlukan contohnya imbuan "**ber**". Kemudian sambungkan kata dasar tadi dengan imbuan. Jangan lupa proses sambungan ini perlulah merujuk kepada **formula sambungan** di halaman 7. Hasilnya adalah perkataan "**berperang**" sebagaimana yang anda lihat pada halaman **53**.
18. Baiklah sekarang sila sempurnakan latihan di halaman 54 dan 55 untuk imbuan awalan.
19. Dan untuk menguasai imbuan awalan dan akhiran pula sila laksanakan latihan di halaman 61 dan 62.

### SESI 3 MENULIS AYAT DAN PERENGGAN

1. Harap maaf sekiranya ayat-ayat yang ada pada halaman 68 hingga 77 itu agak keanak-anakkan. InsyaAllah di masa yang akan datang kami akan memberikan contoh-contoh yang lebih sesuai untuk orang dewasa.
2. Walaubagaimanapun tidak rugi sekiranya anda melaksanakan latihan menulis dan membaca ayat tersebut. Ayat-ayat itu telah

diatur sebegitu rupa sehingga para pelajar tidak sedar mereka sudah sampai ke ayat yang mengandungi 5 perkataan.

3. Laksanakanlah latihan dengan tenang dan berhati-hati. Sekiranya anda perlu melihat jawapan maka lakukanlah secara berhemah dan tidak keterlaluan.
4. Seterusnya terusnya kebahagiaan membaca dan menulis perenggan. Semuanya dapat dicapai berkat kerajinan dan kesungguhan.
5. Al Hamdulillah anda sudah tamat. Sebenarnya anda tidak memelukan **4 jam** untuk semua proses ini jika anda benar-benar hebat anda dapat menguasainya dalam tempoh **2 jam** sahaja.

### **PENUTUP**

1. *Sekarang setelah anda menyempurnakan pembelajaran ini anda sudah dapat rasakan perbezaan yang ada pada diri anda.*
2. *Sebagai latihan pengukuhan ambillah surat khabar jawi atau sebarang bahan dalam tulisan jawi dan lihat berapa peratus anda boleh baca dan berapa peratus pula anda gagal membacanya.*
3. *Ingat! Belajar jawi umpama menggilap suatu barang semakin digilap semakin bercahaya. Begitu juga dengan anda semakin anda mendedahkan diri kepada bahan jawi maka semakin menyerlahlah keperibadian anda.*
4. *sekarang anda sudah boleh bergurau dengan kenalan anda dengan memintanya membacakan beberapa perkataan jawi. Tentu anda akan tersenyum melihat ia menggaru-garu kepala.*
5. *Jangan lupa jika setiap anggota masyarakat berusaha menguasai jawi maka akan selamatlah jawi dari berkubur dari alam buana.*
6. *Jika anda sudah dapat menguasai jawi maka anda sudah menyelamatkan jenerasi anda di keturunan yang akan datang dari jahil jawi.*

**Jika anda berpuashati dengan perkembangan yang berlaku ke atas diri anda, harap dapat berkongsi dengan kawan-kawan berita yang baik ini.**

**[www.doktorjawi.com](http://www.doktorjawi.com)**

Jika anda ada sebarang kemushkilan tentang proses pembelajaran ini atau sebarang soalan tentang jawi silalah menelefon

**019 9541846 atau 09 6312282**

atau emailkan ke:

**[doktorjawi@yahoo.com](mailto:doktorjawi@yahoo.com)**

saya akan menjawab setakat ilmu yang ada pada saya.

Saya senantiasa bersedia memberikan yang terbaik untuk anda.

Bersama-samalahn kita berusaha supaya seluruh rakyat Malaysia dapat kembali membaca dan menulis jawi.